

01/06/2000

Dr M lancar Fiesta Langkawi

LANGKAWI, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini melancarkan Fiesta Langkawi 2000 dalam suasana gilang gemilang, sempena sambutan ulang tahun ke-10 Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Acara pelancaran dilakukan penuh simbolik dengan Perdana Menteri dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, masing-masing memasukkan kristal ke dalam sebuah globe yang kemudian terbuka mengeluarkan peta Langkawi.

Dr Mahathir kemudian melancarkan buku Legends of Langkawi, karya Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail. Buku bahasa Inggeris berkenaan adalah mengenai legenda Mahsuri yang terkenal di Langkawi.

Upacara pelancaran buku itu juga penuh simbolik dengan keturunan ketujuh Mahsuri, iaitu Aishah Nawawi bersama dua pengiring membawa buku berkenaan ke pentas utama untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Sejurus selepas persembahan pentas, tapak pesta di sepanjang Jalan Kelebang dan pekan Kuah bermandi cahaya dengan pertunjukan bunga api.

(END)